

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Penyelidikan ini bertujuan untuk melihat keberkesanan penggunaan Teknik *Al-Baghdadi*, iaitu yang diterbitkan oleh Syihab Resources. Keberkesanan kaedah ini dinilai berdasarkan kemahiran bacaan al-Quran terhadap pelajar-pelajar kelas Asas Kemahiran Tilawah al- Quran. Kemahiran bacaan ini diuji pada tahap asas sahaja yang bersesuaian dengan sukatan buku *Tamhid al-Baghdadi*. Kemahiran itu terbahagi kepada 3 iaitu:

- a) Kemahiran mengenal dan membunyikan huruf-huruf al-Quran mengikut baris-baris. Tanda-tanda baris yang dimaksudkan ialah baris atas (*fathah*), baris bawah (*kasrah*), baris depan (*dhommah*), baris dua atas (*fathatain*), baris dua bawah (*kasratain*), baris dua depan (*dhommatain*), baris mati (*sukun*), baris sabdu (*tasydid*) dan bacaan panjang (*mad*).
- b) Kemahiran menggabungkan bunyi-bunyi huruf dalam perkataan.
- c) Kemahiran membaca terus potongan ayat al-Quran.

Melalui penyelidikan ini, kesan yang dilihat ialah pencapaian para pelajar dalam penguasaan sukatan pelajaran *al-Baghdadi* melalui dua ujian iaitu *pra test* dan *post test*. Kajian ini memakan selama 3 bulan .

3.1 Persampelan

Kajian ini merupakan kajian kes yang dijalankan di Kolej Islam Darul Ridzuan Untuk mengendalikan penyelidikan ini, hanya pelajar yang mendaftar subjek Asas Kemahiran Tilawah Al-Quran dijadikan sampel kajian di Kolej Islam Darul Ridzuan iaitu seramai 25 orang pelajar.

Penulis merupakan salah seorang tenaga pengajar di Kolej tersebut.

3.2 Instrumen

Instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data bagi penyelidikan ini ialah soal selidik, pemerhatian, ujian bacaan dan temubual. Pemerhatian terhadap rekod pembelajaran harian mengikut sukatan *al-Baghdadi* akan dijalankan iaitu pada 3 bulan pembelajaran. Selepas itu barulah ujian bacaan akan dijalankan.

Untuk menyempurnakan penyelidikan ini 7 ujian penilaian tahap telah dijalankan. Ujian tersebut adalah seperti berikut:

- i) Ujian bacaan huruf-huruf Tunggal.
- ii) Ujian bacaan huruf-huruf Mad.
- iii) Ujian bacaan Tanwin.
- iv) Ujian bacaan Sukun.
- v) Ujian bacaan Sabdu.
- vi) Ujian bacaan Kalimah.
- vii) Ujian bacaan Potongan Ayat.

Penulis meminta setiap pelajar yang terlibat membaca sendiri setiap muka surat ujian penilaian ini. Penulis perlu mencatat markah penilaian kemahiran setiap pelajar bagi setiap tujuh muka surat penilaian. Setiap muka surat mewakili sepuluh markah, dan markah penuh bagi keseluruhan penilaian adalah 70 markah.

Penilaian juga dilakukan dua kali iaitu sebelum pelaksanaan program perintis Teknik *al-Baghdadi* dan selepas program perintis dijalankan bagi mendapat tahu tahap pencapaian semasa pelajar dan tahap pencapaian sesudah program perintis selesai dilaksanakan.

Peningkatan pencapaian sebenar pelajar akan dapat dilihat dengan membandingkan tahap penilaian pelajar sebelum program berjalan dengan melihat markah yang diperolehi dengan markah pencapaian pelajar selepas program berjalan.

3.3 Pemarkahan

Semua bacaan sampel direkodkan dan diperiksa serta digredkan oleh penulis sendiri. Bagi ujian bacaan huruf-huruf Tunggal. Penulis mengambil soalan daripada Unit Perunding dan Latihan Syihab Resource. Sebanyak 10 soalan telah digubal mengikut baris. Skema pemarkahannya ialah diberi berdasarkan kebolehan membunyikan kesemua huruf *hijaiyyah* mengikut baris tanpa diberi prestasi pencapaian sama ada lancar atau tidak.

Skema pemarkahan untuk setiap ujian sebanyak 10 markah. Jumlah keseluruhan sebanyak 70 markah.

3.4 Pengajaran

Pengajaran dijalankan seperti pembelajaran biasa selama dua jam setiap minggu. Waktu pembelajaran adalah hari Isnin bermula jam 9.00 petang hingga 11.00 pagi. Pelajar-pelajar didedahkan dengan pembelajaran secara kelas terlebih dahulu kemudian disusuli dengan pembacaan secara individu atau musyafahah dihadapan guru seorang perseorangan. Setiap kali habis pembelajaran, dicatatkan mukasurat yang dibaca di dalam rekod bacaan *al-Baghdadi* pelajar yang telah disediakan oleh penulis. Hal ini menjadikan tahap bacaan setiap pelajar adalah berbeza mengikut kemampuan pelajar itu sendiri.

Sepanjang tempoh penyelidikan, pelajar-pelajar hanya didedahkan dengan buku *Tamhid al-Baghdadi*. Pelajar-pelajar yang telah tamat bacaan *al-Baghdadi* diteruskan dengan mempelajari Tajwid *al-Baghdadi*. Pengajaran dijalankan di dalam kelas masing-masing dikawal dan diajar oleh tenaga pengajar. Setiap pelajar diwajibkan memiliki buku *Tamhid al-Baghdadi*.

3.5 Jadual Penyelidikan

Jadual 1.1 : Jadual Aktiviti Sepanjang Penyelidikan.

Pertemuan	Aktiviti
1	Pra ujian untuk melihat tahap pencapaian sampel sebelum pengajaran
2	Memungut rekod bacaan pelajar pada 3 bulan
3	Mengadakan ujian bacaan 1 kepada pelajar-pelajar Asas Kemahiran Tilawah al-Quran.
6	Mengadakan ujian bacaan 2 kepada pelajar-pelajar Asas Kemahiran Tilawah al-Quran.
7	Mengadakan ujian bacaan 3 kepada pelajar-pelajar Asas Kemahiran Tilawah al-Quran.
8	Mengadakan ujian bacaan 4 kepada pelajar-pelajar Asas Kemahiran Tilawah al-Quran.
9	Mengadakan ujian bacaan 5 kepada pelajar-pelajar Asas Kemahiran Tilawah al-Quran.
10	Mengadakan ujian bacaan 6 kepada pelajar-pelajar Asas Kemahiran Tilawah al-Quran.
11	Mengadakan ujian bacaan 7 kepada pelajar-pelajar Asas Kemahiran Tilawah al-Quran.
12	Temubual dengan beberapa orang yang terlibat.